



Pei Nei (tengah) sewaktu lawatan tapak bersama JPS.

Naik taraf Sungai Rajah selesai

RAWANG - Jalan masuk ke Bandar Baru Rawang dibuka semula untuk kegunaan awam selepas siapnya projek naik taraf Sungai Rajah fasa dua baru-baru ini.

Adun Rawang, Gan Pei Nei berkata, jalan tersebut sebelum ini ditutup bagi memberi laluan pemasangan pembetung air bawah tanah sejak Januari lalu.

Menurutnya, projek bermula 2014 itu adalah langkah mengatasi masalah banjir kilat di sekitar Pekan Rawang yang merupakan masalah utama kawasan itu.

Melalui lawatan kerja di sekitar

tapak projek tersebut katanya, beberapa perkara dilihat perlu ditambah baik oleh kontraktor dilantik.

"Longkang belakang kedai Jalan Welman di sini tidak termasuk dalam pelan projek tapi digantikan sebahagian menyebabkan saiznya tak sama dan tak bersambung.

"Ia menyebabkan masalah hadapan kepada pemilik kedai. Kita mohon supaya longkang tersebut digantikan keseluruhan bagi melancarkan pergerakan air," katanya.

Katanya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Gombak dimaklumkan serta akan membuat permohonan

baharu untuk gantian longkang baharu tersebut.

"Ukuran saiz longkang baru adalah 900 milimeter (mm) berbanding sebelumnya 600 mm. Kita juga minta supaya JPS rujuk kepada Syabas akan masalah mengalihkan paip lama yang terdapat pada sepanjang longkang itu.

"Orang awam yang melihat sebarang kerosakan atau pembetulan kerja yang dirasakan perlu, boleh membuat aduan terus ke bahagian JPS Gombak atau pusat khidmat bagi membolehkannya dibaiki dalam masa terdekat," katanya.